

10 MAY 1999

DEWAN RAKYAT: PERSIDANGAN DITAMBAH SEHARI LAGI ESOK

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat kali ini, yang dijadualkan berakhir hari ini, ditambah sehari lagi esok bagi membolehkan anggota-anggota Dewan membahaskan semua Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail berkata beliau mendapat perutusan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan bahawa kerajaan memerlukan tambahan sehari untuk tujuan itu.

Mohamed Zahir berkata beliau mendapat perutusan daripada Perdana Menteri yang berbunyi: "Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan memerlukan supaya mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang berjalan ditambah satu hari lagi iaitu pada Selasa 11 Mei 1999 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahaskan pembentangan Rang Undang-undang."

Beliau kemudian meluluskan permohonan itu.

Setakat petang ini, sebanyak empat daripada 10 Rang Undang-undang yang disenaraikan untuk dibentang dan dibahaskan pada persidangan kali ini, masih belum dibahaskan.

Rang Undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999, Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999, Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 1999 dan Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1999.

-- BERNAMA

MNY NAK